Hukum Taqlid Pada Ilmu Tauhid

[Dan wajib] pula atas mukallaf sebagai **Wujud 'Aini** (وجوب عيني) mengetahuikan dalil atas tiap-tiap suatu daripada yang wajib dan yang mustahil dan yang jaiz itu, supaya tiada jadi ia **muqallid** (مقلّد) iaitu orang yang **jazam** (pasti) ia dengan perkataan orang yang lain dengan ketiadaan mengetahui dalilnya.

[Dan] telah bersalah-salahan ulama' pada **kufur** (كفر) muqallid itu dan ketiadaan kufurnya. Dan **qaul** (قول) yang sohih bahawasanya Mukmin serta berdosa dengan sebab meninggalnya akan belajar dan fikir bicara jika ada ia daripada ahli demikian itu.

Maksud Dalil Ijmali

[Dan] dikehendaki dengan **dalil** (دليل) itu, dalil **ijmali** (اجمالي - umum) iaitu dalil yang lemah oleh empunyanya daripada menetapkan dia[5] dan menghuraikan segala syuhbat[6] yang didatangkan atasnya, seperti dikatakan baginya: "Apa dalil engkau atas ada Allah ﷻ?" Maka berkata ia: "Alam ini". Dan lemah ia daripada menyatakan jalan menunjuk alam ini atas ada Allah ﷻ itu, atau kuasa ia atas menyatakan dia tetapi jika didatangkan **i'tiradh** (اعتراض - penentangan) atasnya, tiada kuasa ia atas menghuraikan dia atas wajah yang dituntuti. Maka keluarlah ia daripada **taqlid** (تقليد – turut semata) dengan mengetahui ini dalil yang ijmali.

Maksud Dalil Tafsili

Adapun dalil tafshili[7], maka iaitu dalil yang dikuasakan atas menetapkan dia dan menghuraikan segala syubhat (kesamaran) yang didatangkan atasnya.

---

5 Menetapkan dia: Ertinya menyatakan dalil atas jalan yang dituntuti seperti bahawasanya tatkala ditanya orang apa wajah keadaan alam ini menunjuk atas ada Tuhan maka berkata ia alam ini baharu dan yang baharu ada baginya yang menjadikan maka alam ini ada yang menjadikan dia dan ialah Tuhan.

6 Subhat: Ertinya kesamaran dan dikehendaki dengan dia barang yang melengkapi atas segala i'tiradh yang didatangkan dia oleh lawan.

7 Dalil tafshili (تفصيلي): ketahui olehmu bahawasanya mengetahui dalil **tafshil** (terperinci) itu wajib atas ahli tiap-tiap **qithrun** (قطر - penduduk/muqim) atas jalan fardhu kifayah. Maka apabila mendiri dengan dia oleh seseorang daripada mereka itu gugurlah dosa daripada yang tinggal. Maka wajib bahawa ada pada tiap-tiap **masaafah** (مسافة - jarak) yang harus padanya sembahyang **qasor** (قصر) itu satu orang yang mengetahui dengan dalil tafshili dan dengan yang tinggal daripada segala hukum syarak dan pada tiap-tiap **Masaafah 'Adwa** (مسافة عدوى - daerah) seseorang **Qadhi** (قاضي - hakim) kerana banyak perbantahan --- **Syarqawi** (شرقاوى).